Wee Wee Kim dan satu lagi v Siva Ananthan Nair a/l G Sugumaran dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R1-12-150 TAHUN 1998
AUGUSTINE PAUL H
18 OGOS 1999

Undang-Undang Tort *— Kecuaian — Kemalangan jalan raya — Laporan polis tidak dibuat oleh plaintiff sendiri — Tempat kemalangan dipertikaikan — Sama ada defendan bertanggungan sepenuhnya*

Undang-Undang Tort *— Ganti rugi — Kemalangan jalan raya — Kecederaan teruk di kepala dan lumpuh keseluruhan badan — Penjagaan setiap masa — Sama ada ganti rugi am sebanyak RM220,000 adalah berpatutan*

Pada 11 Julai 1994, plaintif kedua sedang menunggang motosikal No WDH 2745 dengan plaintif pertama sebagai pembonceng. Mereka terlibat di dalam satu kemalangan dengan motokar No JAD 4920 yang dipandu oleh defendan kedua dan dimiliki oleh defendan pertama. Kedua-dua plaintif telah memulakan tindakan menuntut ganti rugi terhadap kedua-dua defendan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Pihak defendan telah membuat tuntutan balas terhadap plaintif kedua. Defendan didapati bertanggungjawab sepenuhnya. Hakim yang membicara mendapati kemalangan berlaku berhampiran dengan stesen minyak BP di Jalan Pahang dan percaya defendan kedua yang telah tersilap jalan untuk balik ke Seremban telah mengundur keretanya untuk menggunakan jejambat menyebabkan perlanggaran dengan motosikal tersebut. Tuntutan balas pihak defendan ditolak dengan kos. Ini adalah rayuan pihak defendan terhadap keputusan tersebut.

Alasan-alasan rayuan defendan adalah hakim mahkamah sesyen telah khilaf kerana: (i) mengambil kira laporan polis tersebut sedangkan laporan tersebut tidak dibuat oleh plaintif kedua sendiri; (ii) memutuskan kemalangan berlaku dekat Stesen Minyak BP; (iii) award untuk ganti rugi am sebanyak RM220,000 kepada plaintif pertama terlampau tinggi dan RM180,000 dicadangkan. Adalah juga dihujahkan bahawa award untuk perubatan tidak perlu termasuk perbelanjaan makanan. Juga dihujahkan bahawa award RM25,000 yang diberikan kepada plaintif kedua patut dikurangkan kepada RM20,000.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Hujah bahawa laporan polis tidak dibuat oleh plaintif kedua tidak mempunyai merit kerana plaintif kedua membuat laporan polis melalui abangnya SP6. Laporan ini telah diterima masuk sebagai keterangan tanpa syarat dengan persetujuan kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, laporan tersebut tidak boleh digunakan untuk menyokong keterangan plaintif kedua oleh kerana laporan

A tersebut hanya merupakan ulangan kepada apa yang diberitahu oleh plaintif kedua kepada SP6. Merujuk kepada s 157 Akta Keterangan 1950, ia boleh digunakan untuk menunjukkan keterangan yang konsisten oleh plaintif kedua. Perkataan yang digunakan oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mencadangkan bahawa beliau menggunakan laporan tersebut B dalam konteks sedemikian (lihat ms 292F–I).

(2) Keputusan yang dibuat bahawa kemalangan berlaku dekat dengan stesen minyak BP adalah betul berdasarkan keterangan yang dikemukakan. Keterangan defendan bahawa kemalangan berlaku selepas beliau naik ke jejantas tidak boleh diterima kerana C ia bercanggah dengan pengakuannya. Penolakan keterangan SP2 oleh defendan berkenaan kenderaan yang dijumpai oleh polis berdekatan dengan stesen minyak BP tidak boleh diambil kira oleh kerana keterangan SP2 berkenaan isu ini tidak dipertikaikan (lihat ms 293A–C).

D (3) Terdapat beberapa perkara di dalam kes ini yang menyokong penemuan hakim sesyen tersebut. Defendan di dalam keterangannya mengatakan bahawa dia tidak mengetahui sama ada terdapat apa-apa kenderaan lain di belakangnya, cuma dia ada mendengar bunyi. Ini bercanggah dengan butir-butir E kecuaian yang dinyatakan di dalam perenggan 3 pernyataan pembelaan. Butir-butir di item (g), (h) dan (o) mengatakan bahawa plaintif kedua telah gagal untuk mempedulikan sebarang amaran dan isyarat yang diberi oleh defendan. Sekiranya defendan tidak melihat sebarang kenderaan di belakangnya, tentu beliau tidak memberi apa-apa isyarat. Kerosakan pada motosikal F adalah konsisten dengan versi plaintif kedua. Sekiranya beliau melanggar bahagian belakang motokar defendan, kerosakan pada motosikalnya sudah tentu terdapat pada bahagian hadapan (lihat ms 293C–F).

(4) Plaintif pertama telah mengalami kecederaan yang teruk di kepala G dan lumpuh keseluruhan badan serta memerlukan penjagaan setiap masa. Award yang diberikan untuk ganti rugi am itu tidak perlu dikurangkan dengan mengambil ingatan bahawa award sebanyak RM200,000 telah diberikan bagi kecederaan yang hampir sama (lihat *Inderjeet Singh v Mazlan bin Jasman* [1995] H 2 MLJ 646). Berkenaan dengan perbelanjaan untuk makanan di dalam award bagi perubatan, tiada award dibuat bagi perbelanjaan makanan. Plaintif kedua pula mengalami 'close comminuted fracture of right femur' dan 'close fracture of the lower third right radius dan ulna'. Setelah mengambil kira autoriti-autoriti berkenaan ganti rugi yang diawardkan atas I kecederaan yang serupa, mahkamah berpendapat jumlah yang diawardkan kepada plaintif kedua tidak terlampau tinggi sehingga perlu dikurangkan (lihat ms 294–F).

[English summary

On 11 July 1994, the second plaintiff was riding a motorcycle No WDH 2745 with the first plaintiff as the pillion rider. They were involved in an accident with a motor car No JAD 4920 which was driven by the second defendant and owned by the first defendant. Both the plaintiffs commenced an action claiming for damages against both the defendants in the Kuala Lumpur Sessions Court. The defendants counterclaimed against the second plaintiff. The defendants were found to be wholly liable. The trial judge found that the accident took place near the BP petrol station along Jalan Pahang and believed that the second defendant took a wrong route in going back to Seremban and had reversed his car to use the flyover causing the accident with the motorcycle. The defendants' counterclaim was dismissed with cost. This was the appeal of the defendant against the decision.

The grounds of the defendants' appeal was that the sessions court judge had erred: (i) in taking into account the police report whereas the report was not made by the second defendant himself; (ii) in holding that the accident occurred near the BP petrol station; (iii) in awarding RM220,000 for general damages to the first plaintiff which was too high when RM180,000 was suggested. It was submitted that the award for medical cost should not include the cost for food. It was also submitted that the award of RM25,000 that was awarded to the second plaintiff should be reduced to RM20,000.

Held, dismissing the appeal:

(1) The submission that the police report was not made by the second plaintiff did not have any merit because the second plaintiff made the police report through his brother PW6. The report was admitted as evidence without conditions, with the agreement of both parties. Nevertheless, the report cannot be used to support the evidence of the second plaintiff as the report was only a repetition of an account of what transpired to PW6. Referring to s 157 of the Evidence Act 1950, it can be used to show that the evidence was consistent with the second plaintiff. The words used by the learned sessions court judge suggest that the judge used the report in that context (see p 292F–I).

(2) The decision that the accident happened near the BP petrol station was correct based upon the evidence that was presented. The defendant's evidence that the accident happened after he got on the flyover could not be accepted because it contradicted his admission. The rejection of the evidence of PW2 by the defendant concerning the vehicle which was found by the police near the BP petrol station cannot be taken into account because PW2's evidence concerning this issue was not argued (see p 293A–C).

(3) There are a few points in this case which supported the findings of the sessions judge. The defendant in his evidence said that he

was not aware whether there were any other vehicles behind him, as he only heard some noise. This contradicted the particulars of negligence stated in para 3 of the statement of defence. The particulars in items (g), (h) and (o) states that the second plaintiff failed to take heed of any warning and signals that was given by the defendant. If the defendant did not see any vehicles behind him, surely he would not have given any signals. The damage to the motorcycle was consistent with the second plaintiff's version. If he had knocked into the back of the defendant's motor car, the damage to the motorcycle should have been to its front (see p 293C–F).

(4) The first plaintiff sustained severe injuries to his head and his whole body paralysed thus requiring constant care. The award for general damages need not be reduced bearing in mind the award of RM200,000 was granted for similar injuries (see *Inderjeet Singh v Mazlan bin Jasman* [1995] 2 MLJ 646). With regard to the food expenses in the medical award, no award was made for food expenses. The second plaintiff sustained 'close comminuted fracture of right femur' and 'close fracture of the lower third right radius and ulna'. After taking into account the authorities concerning the damages awarded to similar injuries, the court was of the opinion that the amount awarded to the second plaintiff was not too high to warrant reduction (see p 294C–F).]

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai kemalangan jalan raya, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 621–826.

Bagi kes-kes mengenai ganti rugi bagi kecuaian, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 113–125.

Kes-kes yang dirujuk

Goh Pit Leng v Singapore Pools (Private) Ltd & Ors [1973] 1 MLJ 141 (dirujuk)

Inderjeet Singh a/l Piara Singh v Mazlan bin Jasman & Ors [1995] 2 MLJ 646 (dirujuk)

Pang Ah Chee v Chong Kwee Sang [1985] 1 MLJ 153 (dirujuk)

Teo Ai Choo v Leong Sze Hian [1986] 2 MLJ 331 (dirujuk)

TO Thomas v Asia Fishing Industry Pte Ltd [1977] 1 MLJ 151 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 157

Thomas Mathews (*Thomas Bala & Associates*) for the appellant.

Suresh Gerarde Sreedharan (*RK Nathan & Co*) for the respondent.

Augustine Paul H: Pada 11 Julai 1994 lebih kurang jam 2 pagi, plaintif kedua sedang menunggang motosikal No WDH 2745 dengan plaintif

pertama sebagai pembonceng. Mereka terlibat di dalam satu kemalangan dengan motokar No JAD 4920 yang dipandu oleh defendan kedua dan dimiliki oleh defendan pertama. Kedua-dua plaintif telah memulakan tindakan menuntut ganti rugi terhadap kedua-dua defendan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Pihak defendan telah membuat tuntutan balas terhadap plaintif kedua. Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mendapati pihak defendan bertanggungjawab sepenuhnya dan mengawardkan pihak plaintif ganti rugi. Tuntutan balas ditolak dengan kos. Ini adalah rayuan pihak defendan terhadap keputusan tersebut.

Perenggan pertama pernyataan tuntutan terpinda selanjutnya menggariskan kes untuk pihak plaintif. Ia menyatakan:

> Pada 11 Julai 1994 plaintif kedua secara sah menunggang dan plaintif pertama membonceng motosikal WDH 2745 melalui Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur dari arah Jalan Kuching dan menghala ke arah Bulatan Pahang apabila di atau berdekatan dengan flyover menghala ke Ampang di sepanjang jalan tersebut, plaintif-plaintif dan/atau motosikal mereka telah dilanggar oleh sebuah motokar JAD 4920 yang dipandu oleh defendan kedua atau orang gaji atau ejen ataupun orang yang memandu dengan kebenaran defendan di mana motokar tersebut datang dari arah yang sama dan di hadapan plaintif tiba-tiba tanpa isyarat atau amaran terus berundur dari sebelah kiri dengan tujuan untuk naik ke flyover menghala ke Ampang dan akibat daripada tujuan perlanggaran tersebut plaintif-plaintif mengalami kecederaan, kerugian dan perbelanjaan.

Pihak defendan di dalam pembelaannya seperti yang terkandung di dalam perenggan pertama pindaan pernyataan pembelaan, menyatakan seperti berikut:

> Kecuali defendan mengakui bahawa suatu kemalangan berlaku di antara motosikal No WDH 2745 dan motokar No JAD 4920 pada hari dan tempat yang dikatakan di dalam perenggan pertama pernyataan tuntutan, bahagian-bahagian lain di dalam perenggan itu dinafikan dan dengan demikian meletakkan plaintif kepada bukti yang tepat.

Perenggan ketiga pindaan pernyataan pembelaan yang menyatakan bahawa kemalangan yang berlaku adalah disebabkan sepenuhnya atau sebahagian besarnya kecuaian oleh plaintif kedua menyatakan seperti berikut:

> Defendan seterusnya menegaskan dan akan menegaskan bahawa kemalangan itu disebabkan sepenuhnya atau sebahagian besarnya kecuaian plaintif kedua.
>
> Butir-butir kecuaian plaintif kedua:
>
> (a) Gagal untuk memberi perhatian sewajarnya;
> (b) Menunggang secara cuai tanpa mempedulikan kenderaan-kenderaan yang lain;
> (c) Menunggang tanpa mempedulikan pengguna jalan yang lain;
> (d) Gagal keseluruhannya untuk memerhatikan akan kehadiran defendan dan motokarnya;
> (e) Gagal untuk memberi sebarang amaran atau isyarat akan kedatangannya;
> (f) Mewujudkan situasi berbahaya dengan itu menyebabkan mustahil bagi defendan untuk mengelakkan perlanggaran itu;

(g) Gagal untuk mempedulikan sebarang amaran dan/atau isyarat yang diberi oleh defendan;

(h) Gagal melihat apa jua amaran dan/atau isyarat yang diberikan oleh defendan;

(i) Gagal untuk mengambil sebarang langkah atau tindakan untuk mengelakkan perlanggaran berkenaan;

(j) Menunggang dengan terlalu laju dalam keadaan sehingga tidak dapat mengawal kenderaannya untuk mengelakkan perlangaran ini;

(k) Gagal untuk menyimpan jarak yang berpatutan dari motokar defendan serta melanggarnya dari arah belakang;

(l) Melanggar motokar defendan dari arah belakang;

(n) Gagal untuk mengambil sebarang tindakan mengurus atau mengawal supaya dapat mengelakkan perlanggaran;

(o) Gagal melihat amaran-amaran yang diberikan oleh defendan;

(p) Tidak berhati-hati apabila menggunakan jalan raya;

(q) Gagal untuk mematuhi peruntukan-peruntukan Kod Lebuhraya/ Kanun-kanun Jalan raya;

(r) Membiarkan motosikalnya melanggar motokar defendan;

(s) Gagal memakai topi keledar (kedua-dua plaintif) dan jika memakai gagal ikat topi keledar dengan baik;

Saya akan menghuraikan secara ringkas keterangan yang telah di kemukakan di hadapan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana. John Kevin a/l Joseph (SP5) yang merupakan plaintif kedua, menyatakan bahawa dia sedang menunggang motosikal No WDH 2745 bersama-sama dengan plaintif pertama sebagai pembonceng dari Jalan Kuching sepanjang Jalan Tun Razak menuju Bulatan Pahang. Di situ ada dua laluan dan beliau berada di laluan sebelah kiri. Semasa beliau mula-mula nampak motokar No JAD 4920, ia berada lebih kurang 20 kaki di hadapannya. Motokar tersebut secara tiba- tiba mengundur. Pada masa itu jaraknya lebih kurang 10 kaki daripada plaintif. Seperti yang dinyatakannya di dalam soal balas:

> Cuba mengelak ke tepi tapi kereta menuju ke saya juga.

Dia kemudiannya berkata:

> Dalam masa itu saya terkejut dan mengelak ke kiri.

Mengenai bahagian motokar yang melanggarnya beliau berkata:

> Dia langgar saya di bahagian tepi belakang kiri kereta. Di tepi pintu belakang.

Beliau mengatakan kemalangan berlaku berhampiran stesen minyak BP di Jalan Pahang. Selepas kemalangan tersebut, beliau jatuh di tepi jalan. Beliau menafikan yang dia melanggar bahagian belakang motokar dan mengatakan:

> ... kemalangan berlaku hendak naik ke flyover.

Zahari bin Ismail (SP1), pegawai penyiasat di dalam kes ini mengatakan bahawa kerosakan pada motosikal adalah di sebelah kanan dan pemijak kaki bengkok. Stanley Raymond (SP6), abang kepada plaintif kedua telah

membuat laporan polis (eksh C7) mengenai kemalangan tersebut manakala pihak defendan lansung tidak membuat sebarang laporan. Mohd Ali bin Rahman (SP2), jurugambar polis tiba di tempat kejadian lebih kurang 2.25 pagi. Beliau mengatakan:

> Pada masa itu saya sampai di tempat kejadian pada jam 2.25 pagi. Pada masa sampai kedua penunggang dan pembonceng motosikal ada di tempat kejadian. Pemandu kereta ada di tempat yang sama. Kedudukan kenderaan berada di tepi jalan di sebelah pam minyak BP di Jalan Pekeliling.

SP6 memberitahu dia telah membuat laporan polis oleh kerana plaintif kedua tidak boleh berjalan. Dia membuat laporan dalam masa 24 jam kemalangan berlaku dan ianya berdasarkan apa yang diberitahu oleh abangnya. Laporan tersebut berbunyi:

> Q 303291 Balai Polis Trafik
>
> Jalan Tun HS Lee
> 50000 Kuala Lumpur
> Balai Polis
>
> | | |
> |---|---|
> | Siapa yang ambil repot | SENDIRI |
> | Waktu dan haribulan repot | 9.25 pm 12 Julai 1994 |
> | Nama | STANLEY RAYMOND a/l S JOSEPH
IC A1205513 |
> | Lelaki atau ~~perempuan~~ | umur 25 |
> | Keturunan INDIA | bahasa MALAYSIA |
> | Pekerjaan KERANI | tempat tinggal 140A BLOK 4
FLAT SAN PENG K LUMPUR
('Pendakwa itu') |
>
> Aduan kata — AL 4113289
>
> Pada 11 Julai 1994 lebih kurang 2.45 pagi adik saya yang menunggang motosikal yang bernombor WDH 2745 dari Sentul menghala ke Kampung Pandan. Apabila sampai di Jalan Pekeliling berhampiran stesen minyak BP dengan tiba-tiba dia mendapati kereta di hadapannya yang bernombor JAD 4920 sedang gostan laju ke arah dia (adik saya) lalu terus melanggarnya.
>
> Adik saya yang bernama John Kevin IC No A2518420 dan kawannya S Sivaananthan Nair IC No A0536196 dilanggar.
>
> Kecederaan: John Kevin — Patah kaki dan tangan sebelah kiri
> S Sivaananthan Nair — Kecederaan serius di kepala dan berada dalam keadaan tenat.
>
> tt

Panirselvam a/l Thangasamy (SD1), iaitu defendan kedua mengatakan bahawa sebelum kemalangan beliau sedang dalam perjalanan dari Jalan Kuching menuju ke Jalan Cheras dalam perjalanannya ke Seremban. Tentang bagaimana kemalangan berlaku beliau mengatakan:

> Saya hendak terus pergi, dia mari langgar belakang saya. Tiba-tiba saya dengar bunyi saya berhenti tengok ada orang di belakang kereta saya. Lepas itu saya bawa dua orang itu pergi ke hospital. Saya naik flyover dan motosikal langgar saya. Motosikal dari belakang saya. Sebaik dengar bunyi saya tiba-tiba berhenti dan turun tengok.

A Beliau mengatakan dia tidak mengundurkan motokarnya sebelum kemalangan berlaku. Semasa disoal balas beliau mengatakan bahawa kemalangan berlaku selepas dia naik ke flyover . Beliau mengatakan bahawa stesen minyak BP terletak di sebelah kiri sebelum sampai ke flyover. Jarak daripada Stesen Minyak BP ke tempat kemalangan adalah lebih kurang $^1/_4$ km. Apabila disoal kepada beliau bahawa saksi polis ada mengatakan B bahawa motokar dan motosikal dijumpai berdekatan dengan stesen minyak BP beliau berkata:

> Tidak setuju.

Beliau tidak mengetahui mengenai apa-apa kenderaan di belakang. Beliau C cuma mendengar bunyi. Apabila dinyatakan bahawa kemalangan berlaku sebelum sampai ke flyover semasa beliau sedang mengundur beliau berkata:

> Tidak setuju.

Apabila dinyatakan kepadanya bahawa kemalangan berlaku semasa dia sedang cuba mengambil jalan ke Seremban dia berkata: D

> Tidak setuju.

Di dalam alasan penghakimannya hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah menggariskan fakta kes dan mendapati bahawa kemalangan berlaku berhampiran dengan stesen minyak BP. Fakta ini disokong oleh keterangan E SP2 yang mengatakan bahawa kenderaan yang terlibat di dalam kemalangan dan kedua-dua plaintif berada berhampiran dengan Stesen Minyak BP apabila beliau sampai ke tempat kejadian. Beliau mengatakan bahawa ini bercanggah dengan keterangan defendan yang mengatakan kemalangan berlaku di flyover lebih kurang $^1/_4$ km dari stesen minyak BP. Berkenaan dengan laporan polis yang dibuat oleh SP6 beliau mengatakan: F

> Plaintif kedua mengesahkan bahawa report adalah mengikut apa yang plaintif kedua ceritakan. Report SP6 itu disetujui oleh peguam defendan. Jika diteliti report tersebut jelas ianya seperti apa yang plaintif kedua beri keterangan di mahkamah.

Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana kemudiannya memutuskan di G dalam penghakimannya berkenaan liabiliti seperti berikut:

> Berdasarkan alasan di atas, mahkamah mendapati defendan telah cuai sepenuhnya ke atas kemalangan yang berlaku kerana mengundur kereta dengan keadaan cuai dan di tempat yang tidak selamat berbuat demikian. Mahkamah percaya defendan kedua telah tersilap jalan untuk balik ke H Seremban, jadi mengundur keretanya untuk menaiki jejantas dan terus ke Seremban. Mahkamah mendapati tidak ada cuai sumbangan yang dibuktikan terhadap plaintif kedua. Oleh itu, tuntutan balas terhadap plaintif kedua ditolak dengan kos.

Dalam memutuskan rayuan di hadapan saya, saya mengambil kira hujah yang dikemukakan oleh peguam bagi pihak kedua-dua perayu dan alasan I rayuan seperti yang dinyatakan di dalam notis rayuan. Undang-undang mengenai prinsip yang terpakai dalam memutuskan sesuatu rayuan berdasarkan penemuan fakta adalah jelas. Hakim D'Cotta di dalam *Goh Pit*

Leng v Singapore Pools (Pte) Ltd & Ors [1973] 1 MLJ 141 pada ms 144 mengatakan: A

> ... It is an accepted principle that in a case before the appellate court where the issue is the finding of fact by a trial judge an appellate court is always reluctant to interfere with such finding for the simple reason that the trial judge had the advantage of seeing and testing the veracity of the witnesses before him unless of course it can be shown that the judgment was plainly wrong or unsupported by evidence. B

Ini adalah penting bagi penemuan yang bergantung kepada penerimaan salah satu daripada dua versi yang bercanggah. Dalam hal ini saya merujuk kepada kes *Teo Ai Choo v Leong Sze Hian* [1986] 2 MLJ 331 di mana Lai Kew Chai H pada ms 333–334 mengatakan: C

> ... In a case such as the instant case, where there were two directly contradictory versions the acceptance or rejection of which significantly depended on the oral testimony of the protagonists, the role of an appellate court is clear. We have to accord to the findings of facts of the learned trial judge the greatest respect and ought not disturb them unless we are satisfied that the learned trial judge had reached a wrong decision and that in the context of this case 'any advantage enjoyed by the trial judge by reason of having seen and heard the witnesses could not be sufficient to explain or justify the trial judge's conclusion' ... D

Adalah juga satu prinsip yang terpakai di mana Mahkamah Rayuan patut mengambil ingatan kesukaran yang dihadapi untuk menilai kredibiliti seseorang hanya melalui catitan di dalam rekod (see *TO Thomas v Asia Fishing Industry Pte Ltd* [1977] 1 MLJ 151). Dengan mengambil ingatan prinsip-prinsip ini, saya akan menimbang sama ada hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah silap di dalam penemuan ke atas liabiliti. E

Salah satu daripada alasan rayuan adalah bahawa hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah khilaf kerana tidak mengambil kira fakta bahawa plaintif kedua tidak membuat laporan polis. Pada pendapat saya hujah ini tidak mempunyai merit kerana plaintif kedua membuat laporan polis melalui abangnya SP6. Selanjutnya telah dihujahkan juga bahawa hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah tersilap kerana mengambil kira laporan polis tersebut. Perlulah diingat bahawa laporan ini telah diterima masuk sebagai keterangan tanpa syarat dengan persetujuan kedua-dua pihak. Justeru itu, tindakan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mengambil kira laporan tersebut adalah betul. Walau bagaimanapun, laporan tersebut tidak boleh digunakan untuk menyokong keterangan plaintif kedua oleh kerana ia hanya sebagai ulangan kepada apa yang diberitahu oleh plaintif kedua kepada SP6. Merujuk kepada s 157 Akta Keterangan 1950, ia boleh digunakan untuk menunjukkan keterangan yang konsisten oleh plaintif kedua. Perkataan yang digunakan oleh Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mencadangkan bahawa beliau menggunakan laporan tersebut dalam konteks sedemikian. Di dalam alasan rayuan juga dinyatakan bahawa hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah khilaf kerana memutuskan kemalangan berlaku dekat stesen minyak BP. Pada pendapat saya, beliau telah membuat penemuan yang betul F G H I

berdasarkan keterangan yang dikemukakan. Keterangan plaintif kedua bahawa kemalangan berlaku berhampiran stesen minyak BP adalah konsisten dengan perenggan pertama pernyataan tuntutan terpinda selanjutnya yang menyatakan bahawa kemalangan berlaku semasa defendan sedang mengundur motokarnya dengan niat untuk naik ke flyover. Defendan telah mengakui tempat berlakunya kemalangan di perenggan pertama pernyataan pembelaan. Oleh yang demikian, keterangan defendan bahawa kemalangan berlaku selepas beliau naik ke flyover tidak boleh diterima kerana ia bercanggah dengan pengakuannya. Penolakan keterangan SP2 oleh defendan berkenaan kenderaan yang dijumpai oleh polis berdekatan dengan stesen minyak BP tidak boleh diambil kira oleh kerana keterangan SP2 berkenaan isu ini tidak dipertikaikan. Perlu juga diperhatikan bahawa plaintif kedua ada mengatakan bahawa selepas kemalangan dia tidak dapat bergerak. Dalam keadaan sedemikian, dia tidak boleh bergerak $^1/_4$ km ke tempat di mana dia dijumpai oleh polis. Sebagai tambahan kepada alasan yang dinyatakan oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana, saya mendapati terdapat beberapa perkara didalam kes ini yang menyokong penemuan beliau. pertama, defendan di dalam keterangannya mengatakan bahawa dia tidak mengetahui sama ada ada apa-apa kenderaan lain di belakangnya cuma ada mendengar bunyi. Ini bercanggah dengan butir-butir kecuaian yang dinyatakan di dalam perenggan 3 pernyataan pembelaan. Butir-butir di item (g), (h) dan (o) mengatakan bahawa plaintif kedua telah gagal untuk mempedulikan sebarang amaran dan isyarat yang diberi oleh defendan. Sekiranya defendan tidak melihat sebarang kenderaan di belakangnya, tentu beliau tidak memberi apa-apa isyarat. Kedua, kerosakan pada motosikal adalah konsisten dengan versi plaintif kedua. Sekiranya beliau melanggar bahagian belakang motokar defendan, kerosakan pada motorsikalnya sudah tentu terdapat pada bahagian hadapan yang mana tidak sedemikian di dalam kes ini. Oleh yang demikian, saya berpuas hati bahawa kemalangan berlaku seperti yang telah diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana dan mengesahkan penemuan beliau ke atas liabiliti dan menolak tuntutan balas.

Dalam memutuskan rayuan terhadap ganti rugi yang telah diawardkan oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana, saya dipimpin oleh pandangan Hashim Yeop A Sani FJ (pada masa itu) di dalam kes *Pang Ah Chee v Chong Kwee Sang* [1985] 1 MLJ 153 pada ms 155–156 yang mengatakan:

> It has however long been settled that where a trial judge has erred in the 'direction of being too generous' that would not by itself constitute a matter to be appealed from (*Pahang Lim Siong Motor Co & Anor v Cheong Swee Khai & Anor* [1962] MLJ 29). In *United Plywood & Sawmill Ltd v Kock Ngan Loi* [1970] 2 MLJ 237, Gill FJ (as he then was) explained the principle clearly when he said:
>
> > 'The general principle is that an appellate court can only interfere with an assessment if it is considered so inordinately low or inordinately high as to make the court exclaim, 'Good gracious, is that the sum which has been awarded — that sum must be altered', or it is so much out of line

with the discernible trend or pattern of awards in reasonably comparable cases that it must be regarded as a wholly erroneous estimate.'

In such assessment there is generally ample room for individual choice to arrive at a fair and reasonable figure and the appellate court is always slow to reverse the trial judge's decision on such assessment unless there are strong grounds for interference. ... it is not enough that there is a balance of opinion or preference. 'The scale must go down heavily against the figure attacked if the appellate court is to interfere, whether on ground of excess or insufficiency.'

Pihak perayu menghujahkan bahawa award untuk ganti rugi am sebanyak RM220,000 kepada plaintif pertama terlampau tinggi dan mencadangkan jumlah sebanyak RM180,000. Adalah juga dihujahkan bahawa award untuk perubatan tidak perlu termasuk perbelanjaan makanan. Plaintif pertama telah mengalami kecederaan yang teruk di kepala dan lumpuh keseluruhan badan serta memerlukan penjagaan setiap masa. Pada pendapat saya, award yang diberikan untuk ganti rugi am itu tidak perlu dikurangkan dengan mengambil ingatan bahawa award sebanyak RM200,000 telah diberikan bagi kecederaan yang hampir sama di dalam kes *Inderjeet Singh a/l Piara Singh v Mazlan bin Jasman & Ors* [1995] 2 MLJ 646. Berkenaan dengan hujah perayu untuk memasukkan perbelanjaan untuk makanan di dalam award bagi perubatan, saya berpendapat ianya tidak mempunyai merit oleh kerana tiada award dibuat bagi perbelanjaan makanan. Pihak perayu telah menghujahkan bahawa award sebanyak RM25,000 yang diberikan kepada plaintif kedua bagi kecederaan yang dialami oleh beliau patut dikurangkan kepada RM20,000. Plaintif kedua mengalami 'close comminuted fracture of right femur' dan 'close fracture of the lower third right radius dan ulna'. Setelah mengambil kira autoriti-autoriti berkenaan ganti rugi yang diawardkan atas kecederaan yang serupa yang dikemukakan, saya berpendapat jumlah yang diawardkan kepada plaintif kedua tidak terlampau tinggi sehingga perlu dikurangkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Benjamin Yong